



Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, segala puji bagi Allah ﷻ, selawat dan salam ke atas junjungan kita, Rasulullah ﷺ.

Hari *walimah* (majlis kesyukuran dan meraikan pengantin) merupakan saat yang amat penting bagi seorang pengantin muslim. Hari ini menjadi saksi yang amat penting, kesyukuran dizahirkan dengan ikatan dua hati yang saling mencintai dan berkasih sayang, juga untuk mengumumkan perasmian ikatan dan penyatuan ini kepada orang ramai.

Rasulullah ﷺ telah bersabda kepada seorang sahabatnya:

Maksudnya: ((Adakanlah *walimah* (jamuan-kenduri), meskipun dengan seekor kambing)) [HR Bukhari].

Pelaksanaan walimah telah diajar oleh Rasulullah ﷺ ianya menjadi syiar kebanggaan umatnya dan salah satu tanda kemuliaan dan keagungan agama Islam.

Ketika kebahagiaan ini sedang dirai dan disyukuri dengan meriahnya, majlis sebegini juga seringkali dicemari dengan perkara-perkara yang dibenci Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman. Maka kita perlu saling memperingati sesama manusia sebagaimana firman Allah ini:

Maksudnya: {Telah dilaknat orang-orang kafir dari Bani Israil dengan lidah Daud dan Isa putera Maryam. Yang demikian itu, kerana mereka derhaka dan selalu melampaui batas. Mereka tidak saling mencegah kemungkaran yang mereka lakukan. Sesungguhnya amat buruk perbuatan yang selalu mereka lakukan itu} [Al-Ma'idah: 78-79].

Di sini diingatkan beberapa ajaran Rasulullah ﷺ yang perlu diberi perhatian di dalam mengendalikan majlis perkahwinan :-

1) Bertujuan untuk melaksanakan ibadat kepada Allah ﷻ. Iaitu dengan niat mencari keredhaan Allah dan mengikut sunnah Rasulullah ﷺ. Bukan untuk berbangga-bangga dan menunjuk-menunjukkan kemewahan dan kekayaan.

2) Menghindari perbuatan syirik dan khurafat. Di dalam masyarakat kita terdapat beberapa adat dan kebiasaan yang melibatkan penyekutuan terhadap Allah, *na'uzubillah*. Semua yang bertentangan dengan Syariah Islam hendaklah ditinggalkan. Hindarkan daripada bertemu dukun untuk menentu masa dan hari majlis perkahwinan, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: ((Sesiapa yang mendatangi dukun atau tukang sihir, lalu ia membenarkan ucapannya, maka dia telah kufur terhadap apa yang telah diturunkan kepada Muhammad SAW)) [HR: Abu Daud].

3) Mengelak dari melakukan maksiat (penderhakaan terhadap perintah Allah dan Rasul). Mewujudkan suasana yang boleh membawa ke arah berlakunya maksiat, adalah satu perbuatan yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah. Hawa nafsu hendaklah dididik supaya tidak cenderung ke arah penderhakaan.

4) Mengundang golongan yang kurang berada. Bukanlah satu sikap yang mulia apabila tetamu yang bakal hadir dipilih dari kalangan yang kaya dan ternama sahaja. Melupakan keluarga dan sahabat handai yang miskin dan kurang berada melambangkan kerendahan akhlak dan peribadi. Rasulullah ﷺ telah bersabda: Maksudnya: ((Seburuk-buruk makanan adalah makanan di satu walimah, (yang) diundang kepadanya orang-orang kaya dan terhalang darinya orang-orang miskin.)) [Muslim dan Baihaqi].

5) Mengelakkan *ikhtilat* (percampuran di antara lelaki dan perempuan). Asingkan tempat untuk tetamu lelaki dan wanita. Ini adalah untuk menghindari maksiat seperti zina mata yang seterusnya membawa kepada zina hati. Sabda Rasulullah ﷺ: Maksudnya: ((Dua mata itu boleh berzina, dan zinanya adalah pandangan (pada bukan mahram)) [HR Bukhari].

Firman Allah ﷻ maksudnya: {Dan janganlah kamu mendekati zina; Sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk} [Al-Isra': 32]

Cara terbaik untuk menjauhi zina ialah dengan menyekat jalan-jalan yang boleh membawa ke arahnya. Al-Qur'an telah banyak menjelaskan hal ini.

6) Menghindarkan hiburan yang boleh merosakkan nilai ibadat. Kegembiraan yang hakiki bukan terletak pada alunan muzik dan lagu-lagu perkahwinan. Ianya adalah ketenangan hati yang dikecapi apabila majlis itu benar-benar melambangkan kesyukuran pada Allah dan mengingatkan kita kepada kehidupan akhirat. Kegembiraan palsu hanya dirasakan sementara waktu dan akan mendatangkan kesusahan apabila majlis walimah hilang keberkatannya.

7) Menghindarkan pembaziran, iaitu dengan mengadakan majlis yang melampaui kemampuan, sehingga sanggup berhutang semata-mata kerana terlalu berlebih-lebihan dan diluar kemampuan. Mari kita renung majlis perkahwinan insan yang paling mulia di muka bumi ini, Rasulullah ﷺ. Baginda telah menunjukkan sebaik-baik contoh dan ajaran. Adakalanya Baginda menyediakan tamar, adakalanya gandum dan adakalanya kambing. Ini semua berdasarkan kemampuan Baginda ﷺ ketika itu. Firman Allah ﷻ : Maksudnya : {...dan jangan kamu membazir, sesungguhnya

membazir itu adalah saudara syaitan, dan syaitan itu sangat ingkar kepada Tuhannya} [Al-Isra': 17]

8) Mengelakkan perhiasan yang melampau. Sebahagian masyarakat amat gemar mengandam pengantin dan menghias rumah sehingga melampaui batas yang dibenarkan. Seringkali pengantin perempuan dijadikan barang tontonan dan dipamerkan di khalayak umum yang terdiri daripada kaum lelaki yang bukan mahramnya. Hal ini menggalakkan pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita. Apatah lagi jika jurusolek dan jurugambar yang digunakan adalah kaum lelaki (wanita jadian).

Kesederhanaan adalah tuntutan dalam semua keadaan. Mengabaikannya seringkali mengundang krisis di dalam kehidupan seperti permusuhan akibat dengki, memandang rendah dari satu pihak, keegoan dan sebagainya. Jadi janganlah kerana warna-warni, solekan atau kecantikan yang dibuat-buat, wujud pula kehambaran dalam rumah tangga pada masa mendatang.

9) Memberikan ucapan selamat serta mendoakan kedua mempelai serta keluarga mereka. Para hadirin jarang sekali mendoakan keberkatan apabila melihat pengantin, bahkan tidak mengetahui pun doa tersebut. Ini suatu amalan penting, kerana doa yang ikhlas akan dimakbulkan, insya'Allah.

Cuba bayangkan seandainya semua hadirin mendoakan pengantin sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah ﷺ, alangkah indah dan bahagiannya, sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan memperkenankan doa hamba-Nya. Marilah kita sama-sama mengamalkan ajaran Rasulullah ﷺ ini. Antara doa yang sering diucapkannya kepada para pengantin:

((بَارَكَ اللَّهُ لَكَ وَبَارَكَ عَلَيْكَ وَجَمَعَ بَيْنَكُمَا فِي خَيْرٍ))

Maksudnya: ((Semoga Allah memberkatimu dan mencurahkan barakah ke atasmu dan mengumpulkan kedua-dua kamu dalam kebaikan.)) [HR Ahmad & Ashabus Sunan kecuali An-Nasa'iy].

Tidak lupa juga doa kepada keluarga pengantin seperti ucapan Rasulullah ﷺ:

((اللَّهُمَّ بَارِكْ لَهُمْ فِيْمَا رَزَقْتَهُمْ وَاعْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمِهِمْ))

Maksudnya: ((Ya Allah, ampunilah mereka, dan rahmatilah mereka dan berkatilah mereka pada apa yang telah Engkau kurniakan kepada mereka)) [HR Muslim]

Demikianlah risalah ini. Mudah-mudahan kita dapat memahaminya dengan fahaman yang benar tanpa disulami dengan keraguan terhadap Kitabullah dan sunnah Rasulullah ﷺ. Bertepatan dengan hadis ini:

((تَرَكْتُ فِيْكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوْا مَا إِنْ تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا؛ كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ ﷺ))


Maksudnya: ((Aku telah tinggalkan pada kamu dua perkara; sekiranya kamu berpegang dengan kedua-duanya, kamu tidak akan sesat selama-lamanya; Kitabullah dan sunnahku)) [Muwatta' Malik]

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.



www.dartaibah.com

30 Mei 2007



(Siri 2)

KEWAJIPAN YANG TERABAI

DI SAAT
kebahagiaan dua
mempelai



*Disusun dan dikeluarkan
Oleh:*

www.dartaibah.com